

NOTA PANDUAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0 KES HARGA PINDAHAN

1. Pembayar cukai yang ingin membuat pengakuan sukarela bagi isu harga pindahan dan isu bukan harga pindahan perlu mengemukakan dua borang berasingan iaitu:
 - i. Isu bukan harga pindahan - **Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0.**
 - ii. Isu harga pindahan - **Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan.**
2. Pengakuan sukarela bagi isu harga pindahan perlu dilampirkan Dokumentasi Harga Pindahan (DHP) sama ada DHP Semasa Penuh atau DHP Semasa Minima dengan merujuk kepada ketetapan yang sedang berkuatkuasa.
3. Pembayar cukai boleh merujuk kepada Carta Alir dan Ujian Kendiri di Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai panduan untuk menentukan sama ada pembayar cukai perlu menyediakan DHP Semasa Penuh atau DHP Semasa Minima.
4. Bagi pengakuan sukarela yang memerlukan penghantaran DHP Semasa Minima, dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
 - i. Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan;
 - ii. DHP Semasa Minima; dan
 - iii. Pengiraan cukai.
5. Manakala, bagi pengakuan sukarela yang memerlukan penghantaran DHP Semasa Penuh, dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
 - i. Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan;
 - ii. DHP Semasa Penuh;
 - iii. Carta Organisasi bagi tahun taksiran yang berkaitan;
 - iv. Akaun beraudit, pengiraan cukai, salinan borang retan dan maklumat-maklumat insentif termasuk surat kelulusan serta kertas permohonan (sekiranya ada) bagi tahun taksiran berkaitan;
 - v. Pengiraan analisa perbandingan dan akaun beraudit syarikat-syarikat perbandingan bagi tahun taksiran yang berkaitan; dan
 - vi. Maklumat pendapatan tertinggal atau kesilapan pelaporan/ tuntutan.
6. Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan berserta dokumen-dokumen yang berkaitan, boleh dikemukakan secara pos ke LHDNM Negeri/ Cawangan Khas **ATAU** serahan kendiri ke pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai.

7. Bagi pembayar cukai yang menjalankan transaksi terkawal domestik, hanya pengakuan sukarela yang mempunyai impak cukai positif yang akan diterima.
8. Pembayar cukai boleh mengadakan perbincangan awal dengan Pengarah LHDNM Negeri/ Cawangan Khas berhubung pengakuan sukarela yang akan dibuat (sekiranya perlu). Walau bagaimanapun, perbincangan tanpa maklumat terperinci pembayar cukai tidak akan dipertimbangkan.
9. Pengiraan tempoh pemprosesan 30 hari bekerja adalah bermula dari tarikh dokumen **lengkap** diterima oleh LHDNM di mana dokumen dianggap **lengkap** apabila ia memenuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan.